



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 10, October 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### Kesejahteraan dalam Pembangunan Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR): Suatu Pemerhatian Awal

Nor Emyzura Ahmad Tamizi<sup>1</sup>, Parthiban S. Gopal<sup>1</sup>, Maslina Mohammed Shaed<sup>1</sup>,  
Nor Malina Malek<sup>1</sup>, Mohd Haizzan Yahaya<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia

Correspondence: Parthiban S.Gopal ([parthi@usm.my](mailto:parthi@usm.my))

#### Abstrak

Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan satu dasar kerajaan dalam menyeimbangkan keperluan asas tempat tinggal kepada rakyat yang tergolong dalam kategori B40 untuk memelihara hak kemanusiaan rakyat Malaysia agar menjalani kelangsungan kehidupan yang sejahtera. PPR sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk diberi fokus terhadap keberkesanan tahap kesejahteraan PPR. PPR menitikberatkan elemen kualiti kehidupan dan kesejahteraan sosial kepada penghuninya. Namun, wujud permasalahan mengaitkan isu kesejahteraan pembangunan komuniti PPR apabila ketidakcapaian kesejahteraan berlaku. Kajian tentang kesejahteraan ini dilakukan melalui sorotan literatur bagi memastikan tahap kesejahteraan dapat dicapai secara holistik.

**Kata kunci:** Program Perumahan Rakyat (PPR), kesejahteraan, kualiti hidup, pembangunan manusia, penyertaan komuniti

### Well-Being in the Community Development of People's Housing Programme (PPR): A Preliminary Observation

#### Abstract

The Community Development of People's Housing Programme (PPR) is a Government policy in balancing the basic housing needs of the people who belong to the B40 category to preserve the human rights of Malaysians to live a prosperous life. PPR as a Key Performance Indicator (KPI) by the Ministry of Housing and Local Government (KPKT) to focus on the effectiveness of the well-being of PPR. PPR emphasizes the elements of quality of life and social well-being to its residents. However, there are problems in linking the issue of well-being to the development of the PPR community when the lack of well-being occurs. The study of well-being is done through a review/ concept study to ensure that the level of well-being can be achieved holistically.

**Keywords:** Perumahan Rakyat Programme (PPR), well-being; quality of life, human development, community engagement

## Pengenalan

Secara fitrahnya, pembangunan manusia dilihat sebagai pembangunan individu sepanjang hayat dari peringkat janin hingga proses penuaan yang memfokuskan terhadap perkembangan kanak-kanak, remaja, keluarga dan orang tua (Haris, 2015). Setiap tahap perkembangan tersebut, peranan dan tanggungjawab yang dibawa sangat penting untuk membentuk kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti. Kini, antara isu yang memberi kesan kepada kesejahteraan tersebut adalah isu yang berkaitan dengan kualiti hidup dan penyertaan komuniti yang meliputi aspek kesejahteraan sosial dan kerja komuniti. Seterusnya, mengikut Roslan dan Siti Aishah (2015), pastinya teras utama ke arah melahirkan suasana sejahtera adalah melalui penjana individu yang berasaskan nilai-nilai murni dan pembangunan modal insan. Nilai-nilai murni adalah berteraskan nilai-nilai mulia dalam ajaran agama dan ianya akan membangunkan peradaban dalam aspek kehidupan. Manakala pembangunan modal insan dilihat sebagai potensi insan seperti akal, hati (rohani) dan jasmani yang dijadikan sumber kekuatan mengurus diri dan mengurus sistem. Dengan berpaksikan asas-asas tersebut, ianya akan melahirkan komuniti yang memiliki kesejahteraan yang sebenar. Seterusnya, akan lahir situasi pembangunan komuniti yang aman dan bahagia, keamanan yang berpanjangan dan kesejahteraan yang berkekalan. Realiti pada hari ini, antara isu utama dalam konteks pembangunan komuniti adalah kesejahteraan. Kesejahteraan merupakan elemen penting yang harus disemai dan dipupuk oleh setiap individu dalam komuniti tersebut dan seterusnya rakyat dalam sebuah negara. Menurut Roslan dan Siti Aishah (2015) lagi, apabila tahap kesejahteraan mencapai kestabilan, usaha ke arah melahirkan komuniti yang sejahtera dapat dicapai. Lantaran itu, Malaysia telah mengamalkan perancangan yang berperingkat bermula sejak akhir Tahun 1960-an dengan konsep pembangunan pertumbuhan ekonomi sehinggalah ke Tahun 1990-an, konsep ini diperluaskan dengan pembangunan lestari serta pembangunan secara holistik dan seimbang melalui “pembangunan manusia” (Haq, 1995; Robert & John, 2018).

Kesejahteraan yang dimaksudkan merupakan satu terma yang amat popular di kalangan para penyelidik yang berorientasikan keseimbangan ekonomi, sosial, politik dan *humanity* (kemanusiaan) (Abdul Samad et al., 2012). Dari satu generasi ke satu generasi, para penyelidik tidak berhenti menelusuri kajian ini kerana ianya dilihat sebagai satu kajian yang holistik dan eksklusif (Azizan, 2012). Kajian ini akan terus diteroka kerana ianya tidak bersifat statik (kekal), bahkan semakin berkembang dengan pendekatan yang berbeza-beza (Midgley, 1995). Natijahnya ialah kesejahteraan akan terserlah dalam semua lapangan hidup masyarakat sama ada dalam konteks individu mahupun masyarakat sejagat. Pastinya pelbagai cabaran semasa dalam melestarikan impian kesejahteraan dalam pembangunan komuniti, namun ianya dapat diselesaikan oleh matlamat dan objektif pembangunan manusia yang bersifat holistik di mana akhirnya akan mampu melahirkan kesejahteraan komuniti secara sihat dan bersih (Haris, 2015). Oleh yang demikian, bidang kajian ini menumpukan pemahaman yang mendalam untuk mendapatkan maklumat mengenai aspek-aspek kesejahteraan di kalangan komuniti Negeri Pulau Pinang yang meliputi dua (2) komponen utama iaitu kualiti hidup dan penyertaan komuniti. Aspek-aspek ini berkait langsung dalam melestarikan hubungan di antara pembangunan manusia dan kesejahteraan komuniti (Adriaansens, 1994; Fraser & Gordon, 1994; Midgley, 1995).

Seterusnya, menurut Azizah et al. (2013), peningkatan kesejahteraan hidup merupakan salah satu bidang daripada enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)<sup>1</sup> yang mana telah menjadi agenda utama di dalam pembangunan negara setelah ianya dilancarkan pada 20 Januari 2010 dengan mengambil kira beberapa elemen dan di antaranya ialah meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat melalui peningkatan taraf kehidupan bagi rakyat yang berpendapatan rendah. Bagi mengembalikan nilai taraf kehidupan tersebut, manusia itu sendiri perlu untuk mengenal pasti kualiti hidup mereka berada di tahap yang mana. Ekoran daripada itu, Siti (2012) pula menyatakan bahawa pengukuran taraf kehidupan di Malaysia pada masa kini kebiasaannya menggunakan pendekatan satu dimensi iaitu sama ada mengikut dimensi pendapatan ataupun perbelanjaan. Kaedah ini dirasakan kurang memberi petunjuk yang tepat tentang kesejahteraan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menentukan keputusan tahap kesejahteraan secara holistik yang merangkumi pelbagai aspek.

Merujuk kepada skop kajian, Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian utara Malaysia setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957 dan menjadi

salah satu daripada 13 negeri di dalam Persekutuan Malaysia sewaktu penubuhannya pada tahun 1963. Keluasan Negeri Pulau Pinang adalah seluas 1, 046.3 km persegi yang merangkumi lima (5) daerah iaitu Daerah Timur Laut (119 km persegi), Daerah Barat Daya (173 km persegi), Daerah Seberang Perai Utara (263 km persegi), Daerah Seberang Perai Tengah (236 km persegi) dan Daerah Seberang Perai Selatan (241 km persegi). Bancian pada Tahun 2019 (Buku Data Asas Sosio-Ekonomi, 2019), jumlah penduduk Negeri Pulau Pinang adalah seramai 1, 787, 000 orang yang meliputi majoritinya Bangsa China, seterusnya bangsa Melayu dan India (Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Berikut adalah rujukan jumlah bilangan penduduk berdasarkan daerah-daerah di Negeri Pulau Pinang.

Jadual 1: Bilangan Penduduk Mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang (2018 dan 2019)

Daerah	Tahun 2018	Tahun 2019
Timur Laut	542, 400	548, 300
Barat Daya	274, 700	277, 700
Seberang Perai Utara	323, 800	326, 700
Seberang Perai Tengah	423, 600	428, 400
Seberang Perai Selatan	202, 700	205, 900
Jumlah Keseluruhan Penduduk Negeri Pulau Pinang	1, 767, 200	1, 787, 000

Sumber: Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2019)

Oleh yang demikian, Negeri Pulau Pinang begitu teliti dalam menelusuri Perancangan Pembangunan yang seimbang dalam aspirasi pelancaran Penang 2030<sup>2</sup> (Buku Panduan Pulau Pinang 2030, 2018) yang bertemakan “*A Family- Focused Green And Smart State That Inspires The Nation*” pada 9 Mei 2018. Salah satu intipati utama terhadap aspirasi ini adalah “*family focused*” (sistem kekeluargaan diberikan keutamaan) (Amran Hassan et. al, 2012). Betapa pentingnya sesebuah institusi kekeluargaan itu sehinggakan daripadanya juga dapat melahirkan insan yang bersahsiah dan secara langsungnya menyasarkan kesejahteraan masyarakat tersebut. Menurut Mohd Khairi dan Mohamad Khairi (2016), peranan ibu bapa adalah pemangkin kepada pembentukan akidah untuk membentuk nilai akhlak yang mantap kepada anak-anak. Apabila baiknya akhlak, maka kuranglah kerosakan berlaku, dan akhirnya komuniti mencapai kesejahteraan yang mampan (Dzul Ashrai & Hamzah, 2017). Menyedari keadaan sedemikian, pihak Kerajaan dan agensi-agensi bukan kerajaan telah melaksanakan pelbagai perancangan dan program bagi memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan asas, bantuan kebajikan dan pembangunan modal insan sebagai sebuah hak asasi manusia. Justeru itu, bagi melestarikan dasar ini, pelbagai agensi pelaksana dilibatkan iaitu antaranya adalah:

- i. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR),
- ii. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT),
- iii. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Mampu Milik (RMM),
- iv. Badan- badan Berkanun Persekutuan, Badan-badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Pemaju Perumahan Swasta,
- v. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (JKM),
- vi. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang (Program Modal Insan),
- vii. dan; Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar.

Kesemua jabatan dan agensi akan memainkan peranan yang penting dalam penyediaan segala kemudahan tersebut adalah untuk memacu perkembangan ekonomi, politik dan sosial. Dalam pada masa yang sama juga dengan secara langsungnya sebagai pemudahcara bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Malaysia secara holistik yang mengimbangi pembangunan ekonomi dan kemanusiaan (Noraniza, Azlizan & Yusuf, 2011). Maka, usaha pihak Kerajaan

menampakkakan kesan yang positif sejajar dengan matlamat asal Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menangani permasalahan rakyat terpinggir dan berpendapatan rendah demi sebuah kesejahteraan dalam komuniti sedia ada. Aspirasi pembangunan ini adalah bagi memastikan pembangunan negara yang seimbang dan holistik. Pembangunan yang seimbang (antara fizikal dan insaniah) secara holistik amat penting agar pertumbuhan itu lestari. Hanya dengan pembangunan yang seimbang dan lestari kita dapat menjamin masa depan yang mampan dan sejahtera.

## **Sorotan Literatur**

### ***Kesejahteraan Hidup***

Pentafsiran konsep kesejahteraan amat luas dewasa ini. Menurut Roslan dan Siti (2008), kesejahteraan hidup merupakan satu perkara yang amat penting dan telah menjadi syarat utama dalam menjana suasana yang terarah kepada kebahagiaan dan keamanan dalam sebuah komuniti serta sebuah Negara. Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses yang dinamik sama ada baik (sejahtera) atau sebaliknya (Wahab et. al, 2017). Seterusnya, kesejahteraan seseorang individu biasanya akan bergantung kepada tahap psikologi yang dialaminya. Kesejahteraan juga sering dikaitkan dengan kebahagiaan, ketenteraman dan kegembiraan. Menurut Renwick (2006), seseorang yang berasa sejahtera apabila berlakunya proses keseronokan, kebahagiaan dan merasakan hidupnya amat bermakna. Selain itu, mengikut *World Health Organization* (WHO) (2012), kesejahteraan dalam sesebuah kehidupan akan dinilai daripada sudut psikologi yang melibatkan aspek kognitif dan efektif. Kedua-dua aspek ini adalah merujuk kepada suatu perasaan sama ada positif ataupun negatif mengenai kehidupan yang dilaluinya dengan memfokuskan kepada kepuasan dalam kehidupan antaranya ialah kualiti hidup, kepuasan emosi dan nikmat kebahagiaan yang dialaminya.

### ***Kualiti Hidup***

Menyentuh tentang faktor kualiti hidup, ianya merupakan satu keupayaan untuk mengecapi segala keperluan untuk kelangsungan hidup dan bebas untuk mengeksploitasi potensi diri. Kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik. Kualiti hidup juga ditakrifkan sebagai kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, kecapaian dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang seiring dengan hasrat negara. Apabila sesebuah masyarakat beralih kepada suasana kehidupan yang pada amnya lebih baik, maka kualiti hidupnya dianggap telah meningkat. Memahami kualiti hidup pada hari ini adalah penting dalam menongkah arus yang rakus ke arah kemajuan dimana manusia itu sendiri perlu memiliki pendapatan, simpanan, pemilikan rumah, kenderaan, nikmat kesihatan dan pendidikan untuk mencapai persekitaran yang sejahtera di dalam komuniti.

### ***Penyertaan Komuniti***

Manakala, bagi faktor penyertaan komuniti pula, ianya merupakan penglibatan secara aktif dan turut bersama dalam apa jua program pembangunan bagi mencapai kelestarian pembangunan komuniti (Kalsom & Nor Ashikin, 2006). Terdapat dua (2) komponen utama dalam perbincangan kajian yang melibatkan penyertaan komuniti iaitu kesejahteraan sosial dan kerja komuniti. Kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga dan komuniti manakala kerja komuniti merupakan kaedah yang membawa pembangunan atau perubahan positif dalam komuniti. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)<sup>3</sup> mengukur tahap kesejahteraan rakyat dengan menggunakan 14 komponen yang merangkumi elemen politik, ekonomi dan sosial (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2013). Ianya merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti dan bagaimana sesebuah komuniti tersebut dalam mengadaptasi penglibatan mereka. Konsep penyertaan komuniti menjelaskan strategi merubah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan aspek pengurusan sosial, pemenuhan keperluan hidup dan penyediaan peluang mobiliti sosial dalam komuniti (Novel, Hubert & Mohd Helmi, 2017). Menurutnnya lagi, mobiliti sosial ini melibatkan suatu perubahan yang membawa satu peningkatan kepada kelompok


tersebut kepada tahap yang lebih baik daripada sebelumnya. Pemahaman terhadap elemen kesejahteraan sosial ini akan menyediakan keperluan asas dan memaksimumkan peluang mobiliti sosial yang akan menjuruskan kepada penglibatan ahli komuniti tersebut. Dengan itu, ahli komuniti bebas untuk membangunkan potensi diri dan terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan serta memberi sumbangan kepada komuniti serta keseimbangan persekitaran yang selamat.

## Model Pembangunan Komuniti

Dalam menelusuri kelangsungan kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti, beberapa model dibincangkan secara ringkas berkaitan perkara-perkara penting iaitu konsep serta pendefinisan sesebuah model agar ianya dapat dijadikan panduan dalam pemilihan model yang bersesuaian dengan permasalahan kajian langsung memenuhi objektif kajian. Model Pembangunan Kesejahteraan Komuniti merupakan antara model yang dibincangkan dalam Model Pembangunan Komuniti (Mohammad Shatar Sabran, 2003). Model Pembangunan Komuniti telah memberikan penekanan kepada empat (4) elemen yang telah dipercayai sebagai komponen teras penyelesaian masalah kesejahteraan yang memfokuskan komuniti yang tinggal di luar bandar. Apakah empat elemen tersebut? Model ini telah membahaskan elemen-elemen teras pembangunan komuniti tersebut yang melibatkan prinsip pembangunan komuniti, nilai dan kepercayaan, andaian dan prinsip amalan baik.

Oleh itu, mengapakah model ini digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini? Dalam menuju era globalisasi ini, aspek pembangunan adalah perkara yang tidak boleh dipisahkan dengan kesejahteraan manusia. Todaro dan Smith (2015) mendefinisikan bahawa pembangunan adalah satu proses yang memberikan penekanan kepada taraf kualiti hidup, kebebasan hak asasi manusia dan penjagaan harga diri. Sehubungan itu, model ini amat bersesuaian untuk diaplikasikan bagi menentukan relevannya dua (2) elemen utama kajian iaitu kualiti hidup dan penyertaan komuniti dalam menghalau tuju ke arah pembangunan kesejahteraan komuniti PPR. Ini diperjelaskan melalui Rajah 1.

Rajah 1: Teras Pembangunan Komuniti



Sumber: Model Pembangunan Komuniti Mohamad Shatar Sabran (2003)

Seterusnya, setiap teras ini diperjelaskan oleh penyelidik. Menurutnya, prinsip pembangunan komuniti adalah suatu usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua individu di dalam komuniti tersebut untuk memperbaiki taraf hidup dan kualiti kehidupan mereka. Penyertaan yang menyeluruh dari semua pihak melibatkan elemen-elemen seperti penglibatan untuk mewujudkan komuniti, hak untuk penyertaan dan hak untuk didengar. Melalui teras ini juga, setiap perubahan yang berlaku memerlukan pemahaman di kalangan ahli komuniti tersebut. Justeru, nilai dan kepercayaan pula memberikan penekanan kepada kepekaan masyarakat dan sentiasa mengambil tahu apa yang berlaku dalam komuniti berkenaan. Elemen-elemen yang berhubungan dengan nilai dan kepercayaan adalah hak untuk berinteraksi. Tiada sekatan dalam bermasyarakat. Lalu, akan mencetuskan motivasi melalui interaksi



berkenaan. Juga hak untuk penglibatan dewan mewujudkan penyertaan demokrasi. Nilai dan kepercayaan menurut penyelidik akan membangunkan keupayaan untuk mencorakkan nilai kesejahteraan dalam sesebuah komuniti.

Untuk teras andaian, pengukuhannya adalah melalui kemahiran komunikasi yang berkesan antara individu dalam komuniti agar mengelakkan spekulasi. Andaian menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu adalah contoh atau misalan yang tidak semestinya suatu kenyataan. Elemen-elemen andaian merujuk kepada *attitude* setiap ahli dalam komuniti PPR. Rasionalnya tingkah laku dan mempunyai arah tuju, yang membawa kepada pembelajaran melalui penyertaan. Mudahnya, apabila andaian itu positif, makanya proses yang dilalui akan menghasilkan kesan yang positif. Manakala, bagi teras prinsip amalan baik, pengamalan nilai-nilai murni dalam hidup bermasyarakat membolehkan pembangunan komuniti mencapai matlamatnya. Penyelidik menerangkan melalui elemen-elemen seperti mengelakkan amalan buruk dengan mengenal pasti punca permasalahan. Justeru, nilai kepimpinan dalam sesebuah komuniti akan membawa kepada kesan yang demokrasi kerana permasalahan diatasi dengan sebijaknya.

Model dan teori ini dipilih untuk melengkapkan pembangunan kesejahteraan komuniti dengan mengetengahkan elemen-elemen penting diimplementasikan secara efektif. Daya usaha setiap pembentukan komuniti penting dalam menggembelng kesepaduan untuk mengekalkan tahap pencapaian kesejahteraan dalam komuniti berkaitan. Merujuk kepada komuniti PPR itu sendiri, sekiranya setiap ahlinya mengambil pendekatan mementingkan diri sendiri dan bergerak secara *sylo* (bersendirian), pembentukan Model Pembangunan Komuniti ini akan menemui kegagalan. Namun, sekiranya setiap ahlinya sedar dan memainkan peranan yang penting seperti penyertaan bermasyarakat, hidup secara demokrasi dan bertolak ansur, mengamalkan nilai-nilai murni dan amalan yang baik, nescaya, Model dan Teori Pembangunan Komuniti akan menemui kejayaan.

Setelah diteliti setiap teras yang dibahaskan, teras prinsip pembangunan komuniti dirasakan amat bersesuaian dalam kajian ini. Perkaitan yang jelas melalui Model Pembangunan Kesejahteraan Komuniti ini bagi teras prinsip pembangunan komuniti adalah keupayaan mencapai matlamat sebuah kehidupan secara keseluruhannya untuk menjamin kesejahteraan kehidupan mereka (Kyle et al., 2004). Ia amat penting berasaskan dua (2) sebab utama:

- i. Pembangunan komuniti menyediakan rangka kerja yang sistematik untuk pembangunan masyarakat terutamanya dalam usaha membasmi kemiskinan
- ii. Pembangunan komuniti penting untuk kejayaan jangka panjang dalam era globalisasi

Dengan itu, teras empat (4) Prinsip Pembangunan Komuniti adalah teras yang akan digunakan sebagai menjawab persoalan kajian dengan melihat kesan Model ini terhadap kesejahteraan dalam komuniti PPR. Menurut Kwok et al. (2013), prinsip ini akan membolehkan ahli komuniti mencari penyelesaian kepada setiap masalah secara bersama dan akan mengatasinya secara bersama. Usaha kolektif masyarakat untuk memperbaiki keadaan hidup melalui inisiatif dan tindakan yang menyeluruh dengan melibatkan "*rights*" ahli komuniti iaitu hak untuk didengar dan hak untuk penyertaan akan memandu komuniti menepati pembangunan komuniti.

## **Kepentingan Konsep Kesejahteraan**

Sekitar tahun 1990-an, pembangunan manusia telah dikaji oleh seorang pakar ekonomi daripada Pakistan yang dikenali sebagai Mahbub ul-Haq. Beliau memfokuskan hal-hal terperinci tentang pembangunan manusia yang mana sebelum ini ianya hanya diukur berdasarkan faktor ekonomi dengan pendapatan per kapita digunakan sebagai petunjuk utama (Abdul Rahman, 2004). Walau bagaimanapun, petunjuk yang merangkumi dimensi pembangunan lain juga perlu diambil kira untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai pembangunan (Kualiti Hidup Malaysia 1999, 1999). Justeru, pembangunan manusia yang berasaskan kesejahteraan komuniti negara Malaysia telah diberi penumpuan secara holistik melalui Rancangan Malaysia RMKe-10 (2010-2015) dan RMKe-11 (2016-2020)<sup>4</sup>

Oleh itu, konsep kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti memerlukan pemahaman kepada istilah komuniti itu sendiri. Menurut Azhar et. al (2014), komuniti dapat ditakrifkan sebagai kumpulan individu yang mendiami satu kawasan geografi dan berinteraksi di antara sesama mereka dalam satu jangka masa yang lama sehingga membentuk satu ikatan atau perhubungan bersama. Manakala menurut Mustafa Omar (2017) mentakrifkan komuniti sebagai sekumpulan kecil manusia yang tinggal di suatu penempatan yang mengamalkan suatu tahap autonomi dan cara hidup tersendiri, berkongsi aspirasi dan kehendak, berpartisipasi dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan serta mempunyai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan.

Menurut Salleh (2004), antara aspek yang penting dalam pembangunan sesebuah komuniti adalah melalui pembentukan kualiti kehidupan yang baik. Juga pembangunan masyarakat yang dinamik dan bersepadu ialah faktor kelangsungan pembangunan komuniti tersebut. Penekanan di peringkat perancangan amat penting untuk memastikan kejayaan penyediaan kemudahan komuniti ini. Perancangan yang efisien dan efektif bukan sahaja dapat menyediakan komuniti setempat dengan kemudahan, tetapi aspek matlamat perancangan kemudahan ini perlu berasaskan kepada ciri atau faktor kebolehsampaian (*accessibility*), kesepaduan (*integration*), saling melengkapi (*complement to each components*), tahap penerimaan dengan taraf sosioekonomi, sosiobudaya dan sosiopolitik dan memenuhi matlamat pembangunan setempat. Penyediaan kemudahan komuniti yang terancang akan membantu interaksi di kalangan ahli masyarakat setempat yang meliputi pelbagai bangsa serta membawa persekitaran pendidikan, pengetahuan, rekreasi di samping berupaya memupuk persekitaran untuk suatu masyarakat yang bersikap positif dan aktif serta progresif. Secara umumnya perancangan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan efektif akan berupaya mewujudkan suatu suasana yang bersesuaian untuk kehidupan berkomuniti, bekerja dan beriadah.

Oleh yang demikian, apabila implementasinya dilihat secara holistik, pembangunan kesejahteraan komuniti adalah sebagai pembangunan yang bersifat menyeluruh merangkumi segala aspek dan faktor yang berkaitan dengan kehidupan manusia daripada fizikalnya, persekitarannya sehinggalah kepada soal psikologi jiwa dan kerohanian (Roslan & Siti Aishah, 2015). Menurut Kalsom dan Nor Ashikin (2006), konsep pembangunan holistik diukur melalui kejayaan proses pembangunan yang lazimnya juga diukur daripada tahap kesejahteraan dan keseimbangan persekitaran yang dapat diwujudkan. Ini kerana pembangunan adalah bersifat penerusan (*continuity*) manakala sejarah pula adalah ilmu yang membahaskan proses yang merangkumi sebab dan asal usul bagaimana dan mengapa sesuatu proses perkembangan peradaban bagi mencapai tahap kemajuan dari segi fizikal dan rohani (Ibn Khaldun, 2002)<sup>5</sup>. Maka, pemerkasaan perancangan pertumbuhan secara holistik amatlah penting bagi mengekalkan kesejahteraan sesebuah komuniti secara sejangat dan muafakat.

## Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk memberikan gambaran secara holistik mengenai kesejahteraan itu diperlukan dalam semua aspek kehidupan manusia sama ada dari aspek pembangunan, kemanusiaan, politik, ekonomi dan sosial. Kajian ini menumpukan secara penuh kepada komuniti PPR di Negeri Pulau Pinang. Program ini dianggap sangat menarik kerana ia menempatkan sejumlah penduduk yang ramai dengan pelbagai latar belakang demografi yang akhirnya membawa mereka ke arah penyatuan satu kesejahteraan komuniti yang lestari (D.J.P Barker, 2004). Persoalan pencapaian kesejahteraan amat subjektif untuk diukur kerana ianya tidak bersifat tetap. Setiap penyelidik akan mengkaji faktor-faktor berdasarkan situasi semasa sejajar dengan Dasar Kerajaan yang berkuatkuasa. Dalam era pemerintahan baharu ini, nilai kesejahteraan telah dipandang secara serius demi mengekalkan kesinambungan kehidupan yang penuh dengan cabaran dan pembangunan yang drastik. Dua (2) Dasar baharu telah diperkenalkan dalam tempoh yang disasarkan sehingga 2030. Dasar Komuniti Negara (DKN) dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) menampakkan betapa prihatinnya pihak Kerajaan dalam menangani isu pembangunan kesejahteraan komuniti kerana ianya amat memberi impak daripada kelompok yang *heterogeneous* kepada margin berskala besar kelompok *homogeneous*. Selain penampakkan faktor ekonomi yang sebelumnya amat dititikberatkan dalam kemajuan sesebuah negara, kini ianya diseimbangi dengan faktor kesejahteraan agar halatuju kemajuan ini mencapai kesejahteraan

secara sejagat. Pentingnya dua (2) Dasar Kerajaan tersebut dalam memfokuskan kesejahteraan komuniti dan memelihara kelangsungan kesejahteraan itu sendiri.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO), Universiti Sains Malaysia atas bimbingan dan pembiayaan di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (304/PSOSIAL/6315396) semasa proses menjalankan kajian ini.

## Endnote

<sup>1</sup> Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)- *National Key Result Area* telah dilancarkan pada 20 Januari 2010 dengan berprinsipkan gabungan keutamaan jangka pendek untuk menangani keperluan rakyat. Terdapat enam (6) bidang utama yang menjadi fungsi dan tanggungjawab utama enam (6) Kementerian iaitu i) mengurangkan jenayah (kementerian Dalam Negeri), ii) membanteras rasuah (Jabatan Perdana Menteri), iii) mempertingkatkan pencapaian pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia), iv) mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah (*household*) berpendapatan rendah (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), v) mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar (Kementerian Luar Bandar dan Wilayah) dan vi) memperbaiki pengangkutan awam bandar (Kementerian Pengangkutan).

<sup>2</sup> Pulau Pinang 2030 merupakan pelan tindakan yang dimulakan kerajaan negeri Pulau Pinang sejak Ogos 2019, dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan daya huni, ekonomi, penyertaan awam dan pembangunan seimbang Pulau Pinang. Ia bagi membolehkan Pulau Pinang mencapai wawasan "negeri yang menumpukan kepada kekeluargaan, bersih dan hijau serta pintar yang memberi inspirasi kepada negara "Buku panduan ini turut memberi tumpuan kepada empat tema iaitu daya huni, ekonomi, memperkasa rakyat serta persekitaran infrastruktur, dan percaya bahawa tema berkenaan merangkumi keseluruhan spektrum pembangunan untuk mencapai wawasan dan kesejahteraan Pulau Pinang 2030.

<sup>3</sup> Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) merupakan laporan pertama yang diterbitkan untuk menilai tahap kesejahteraan rakyat bagi tempoh 2000-2012 sebagai penambahbaikan Indeks Kualiti Hidup (IKH) pada Tahun 1999. Aspek yang diukur adalah komunikasi, kebudayaan, pendidikan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, pendapatan dan pengagihan, keselamatan awam, penyertaan sosial, pengangkutan dan persekitaran kerja. Untuk mencapai tahap kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan memfokuskan kepada program pembangunan yang berteraskan rakyat dan terus memberikan manfaat yang maksimum kepada rakyat.

<sup>4</sup> Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, merupakan rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991 menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek, iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) merupakan laporan pertama yang diterbitkan untuk menilai tahap kesejahteraan rakyat bagi tempoh 2000-2012 sebagai penambahbaikan Indeks Kualiti Hidup (IKH) pada Tahun 1999. Aspek yang diukur adalah komunikasi, kebudayaan, pendidikan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, pendapatan dan pengagihan, keselamatan awam, penyertaan sosial, pengangkutan dan persekitaran kerja. Untuk mencapai tahap kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan memfokuskan kepada program pembangunan yang berteraskan rakyat dan terus memberikan manfaat yang maksimum kepada rakyat.

<sup>5</sup> Ibn Khaldun yang dikenali sebagai bapa kepada sejarah kebudayaan dan sains sosial moden berpendapat wacana pembangunan perlu dibina dalam kerangka sejarah.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong, (2004). Memikir Semula Persoalan Pembangunan Manusia: Antara Teori Dengan Realiti. *Akademika*, 64(1), 15-26
- Adriaansens, H. (1994). Citizenship, Work and Welfare. In Steenbergen, B.V. (ed.). *The Condition of Citizenship*. London: Sage Publication.
- Ahmad, A., & Rose, R. A. C. (2017). Peralihan Demografi Dan Kesejahteraan Sosial Masyarakat Melayu: Suatu Perbandingan antara Malaysia dan Kemboja (Demographic Transition and Social Well-being of the Malay Community: A Comparative Study of Malaysia and Cambodia). *e-BANGI*, 8(1).



- Alias, N. J. (2014). Penempatan semula penduduk setinggan: kesan sosiobudaya dan ekonomi di PPR Kampung Limau dan PPR Pekan Batu, Kuala Lumpur (Doctoral dissertation, Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).
- Alkire, S. dan Foster, J. (2007). Counting and Multidimensional Poverty Measures, Oxford Poverty & Human Development initiative OPHI Working paper 7.
- Azizan Bahari. (2010). Permasalahan sosial dalam kalangan pelajar: Keperluan kepada kerja sosial dalam pendidikan. Prosiding Seminar Kerja Sosial dalam Pendidikan. 10 – 11 Mei 2010, Sintok, Universiti Utara Malaysia.
- Azizan Bahari. (2011). Belia dan Kesukarelawanan. [Versi Elektronik]. Di muat turun 11 November 2013 daripada [http://www.sukarelawanmalaysia.com/v1/artikel-teks\\_pembentangan/122-Belia-dan-Kesukarelawanan.html](http://www.sukarelawanmalaysia.com/v1/artikel-teks_pembentangan/122-Belia-dan-Kesukarelawanan.html)
- Babu, S., Gajanan, S. N., & Sanyal, P. (2014). *Food security, poverty and nutrition policy analysis: statistical methods and applications*. Academic Press.
- Baeti, N. (2013). Pengaruh Pengangguran, Pertumbuhan Ekonomi, dan Pengeluaran Pemerintah Terhadap Pembangunan Manusia Kabupaten/ Kota di Provinsi Jawa Tengah Tahun 2007-2011. *Economics Development Analysis Journal*, 2(3).
- Bakar, D. A. A., & Jusoh, H. (2017). Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan (Community Wellbeing in the Sustainable Affordable Housing Scope). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 13(2).
- Barker, D. J. (2004). The developmental origins of well-being. *Philosophical Transactions of the Royal Society of London. Series B: Biological Sciences*, 359(1449), 1359-1366.
- Besar, J. A., Fauzi, R., & Ghazali, A. S. (2012). Penilaian awal impak pelaksanaan Dasar Perumahan Negara terhadap sektor perumahan di Kuala Lumpur. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(6), 90-108.
- Bin Abdullah, M. S., Nor, M. M., Yusof, A. R. B. M., & Husain, F. B. C. (2017). Konsep Komuniti dan Perkembangannya : Suatu Tinjauan Kritis Terhadap Penggunaannya. *e-Bangi*, 12(3), 1-15.
- Blaikie, N. (2000). *Designing social research: The logic of anticipation*: Cambridge, United Kingdom: Polity Press.
- Chua Yan Piaw. (2013). Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Edisi Ketiga, Denise Roberts Boyd; Helen L Bee. (2015). Publisher: Harlow, Essex: Lifespan Development. Pearson Education Limited. Stanford University: Canada
- Economic Planning Unit. (2006). Tenth Malaysia Plan. Retrieved 5<sup>th</sup> October, 2020, from <http://www.epu.gov.my/ninth>.
- Economic Planning Unit. (2011). Eleventh Malaysia Plan. Retrieved 5<sup>th</sup> October, 2020 from <http://www.epu.gov.my/ninth>.
- Economic Planning Unit. (2011). Tenth Malaysia Plan. Diakses daripada <http://www.epu.gov.my/ninth>
- Fattah, R. A. B. H. A. (2010). Peranan, Strategi dan Pola Pengembangan Pendidikan Mewujudkan Sumber Daya Manusia (SDM) di Inhil yang Berwawasan Maju dan Gemilang 2025. *Telah Dibentangkan dalam Seminar Nasional" Wujudkan Tembilahan Kota Pendidikan Menuju Indragiri Berjaya dan Gemilang* (Vol. 2025).
- Fraser, N., dan Gordon, L. (1994). Civil Citizenship Against Social Citizenship. In Steenbergen, B.V. (ed). *The Condition of Citizenship*. London: Sage Publication
- Hadi, A. S., Idrus, S., & Shah, A. H. H. (2004). Persekitaran bandar lestari untuk kesejahteraan komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 5, 3-29.
- Hamat, M. F., & Nordin, M. K. N. C. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun Bil*, 7(1), 75-89.
- Haq, Mahbub ul. 1995. *Reflections on Human Development*. New York: Oxford University Press.
- Haris Abd. Wahab (2015). Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator. Diambil pada 20 Ogos 2015 daripada [eprints.um.edu.my/3124/1/A11.pdf](http://eprints.um.edu.my/3124/1/A11.pdf)
- Hassan N. Khalid. 2012. Satu analisis mengenai dikotomi antara kemiskinan bandar dan luar bandar di Malaysia. *PERSPEKTIF* 4 (1): 1-21
- Hassan, A., Yusoooff, F., & Alavi, K. (2017). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan (A healthy family generates prosperous community: An overview). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5).

- Hoe, K. C., & Abd.Wahab, H. (2013). Tahap penglibatan masyarakat rumah panjang dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak. *Journal of Social Science and Humanities*, 8(1), 73–84.
- Husna, N. (2014). Ilmu Kesejahteraan Sosial dan Pekerjaan Sosial. *Jurnal Al-Bayan: Media*
- Ibrahim, F., Sheau, T. C., Koh, C. L. D., & Jaafar, J. R. (2016). Perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan kumpulan etnik dalam kalangan generasi muda terpinggir di Malaysia (A Comparison of Social Behaviour Based on Ethnicities Amongst Marginalized Youths in Malaysia). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(13).
- Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. *Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (2018-2025): "Perumahan Untuk Semua"*. Putrajaya: Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
- Jamaludin, Adon Nasrullah. 2016. *Sosiologi Pembangunan*. Bandung: Pustaka Setia.
- Kail, R. V., & Cavanaugh, J. C. (2018). *Human development: A life-span view*. Cengage Learning.
- Kayat, K., & Nor, N. A. M. (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah (Community Members Involvement in Community Development Programme: Homestay Programme in Kedah). *Akademika*, 67(1).
- Khair, A. M., Hamsan, H. H., & Shahrinin, M. I. (2016). Nilai Pencapaian dan Orientasi Masa Hadapan Remaja Orang Asli di Negeri Pahang dan Perak, Malaysia. *Al-Hikmah*, 8(2), 97-109.
- Kualiti Hidup Malaysia 1999, (1999). *Usaha Ke Arah Peningkatan Kualiti Hidup*. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.
- Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia. (2013). *Kesejahteraan Sosial*. Putrajaya: Malaysia.
- Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (2019). Pulau Pinang: Malaysia
- Lee, Y., Lim, S., & Kim, G. (2010). Improvement characteristics shown in holistic regeneration of Ballymun toward sustainable community. *Building and Environment*, 45(2), 279-286.
- Lyndon, N., Ragam, H. R., & Rahim, M. H. A. (2018). Peranan Pendidikan Terhadap Mobiliti Sosial Komuniti Iban Luar Bandar Di Daerah Kecil Spaoh, Sarawak: Satu Kajian Fenomenologi (The Role of Education on Rural Iban Community Social Mobility in Spaoh, Sarawak: A Phenomenological Study). *e-Bangi*, 14(3).
- Malek, J. A., & Ibrahim, M. A. (2015). Bandar Selamat dan Keselamatan Komuniti Bandar Selamat (Safe City and Community Safety of Safe City). *e-Bangi*, 12(1).
- Midgley, J. (1995). *Social Development: The Development Perspective in Social Welfare*. London: Sage Publication.
- Mohd Ghani Awang. (2014). *Social Science Research for Undergrated (survey, case study and Action Research)*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang
- Mutiara, D., Tebrau, J. B., & Yusof, M. B. (2012). Kepuasan Penduduk Program Perumahan Rakyat Terhadap Kualiti Perumahan Kajian Kes: Projek Perumahan Rakyat Sri Iskandar, Pasir Pelangi, Johor Bahru dan Projek Perumahan Rakyat.
- Neuman, W. Lawrence. (2014). *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Nik Juliana Alias, Mariney Mohd Yusoff & Fauza Abd. Ghaffar. (2014). Penempatan semula setinggan di bandar dan implikasinya terhadap komuniti. In Jabil Mapjabil, Mazdi Marzuki & Zikri Muhammad. *Isu-isu petempatan bandar di Malaysia*. Batu Pahat, Penerbit UTHM.
- Omar, M. O. (2017). Perbandingan indeks kelestarian hidup dan kemudahancaman komuniti minoriti Orang Asli di Semenanjung Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8).
- Osman, S. (2018). Impak insentif ekonomi terhadap golongan berpendapatan rendah Program Perumahan Rakyat, Kuala Lumpur (The implications of economic incentives toward low income peoples at People Housing Project, Kuala Lumpur). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1).
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Projek Perumahan Rakyat. (2015). Diakses pada 21hb Jun 2020 daripada: <http://pembangunan162.blogspot.com/2011/06projek-perumahan-rakyat-ppr.html>
- Purwana, A. E. (2014). Kesejahteraan dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Justicia Islamica*, 11(1), 21-42.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). (2010). *Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan. (2010-2015)*. Putrajaya: Malaysia.

- Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). (2015). *Pertumbuhan Berpaksiakan Rakyat*. (2016-2020). Putrajaya: Malaysia.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sain Sosial*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Roslan bin Mohamed dan Siti Aishah binti Abu Bakar (2015). *Pembangunan Masyarakat Ke Arah Kesejahteraan Berteraskan Pembangunan Insan*. Diambil pada 20 Ogos 2015 daripada [eprints.um.edu.my/3123/1/S4\\_RoslanMohamad.pdf](http://eprints.um.edu.my/3123/1/S4_RoslanMohamad.pdf)
- Renwick, R., (2006), The quality life model, <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>, pada 25/1/2006.
- Rowley S, Ong R & Haffner M (2015) Bridging the Gap between Housing Stress and Financial Stress: The Case of Australia. *Housing Studies*, 30(3). doi:10.1080/02673037.2014.977851.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Prentice Hall/ Pearson Malaysia.
- Sabran, M. S. (2003). Model pembangunan komuniti. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 11(2), 135-145.
- Samian, A. L. (2005). Satu ulasan tentang definisi manusia. *Jurnal Pengajian Umum*, 6, 153-160.
- Samir Muhazzab Amin dan Sara Shakila Mohd Salim (2012). Pembasmian Kemiskinan di Malaysia: Keperluan Kemahiran Pekerja Komuniti. *Akademika* 82(1)2012: 81-89. Diambil pada 22 Ogos 2015 daripada [ejournal.ukm.my/akademika/article/view/842](http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/842).
- Sekaran, U. (2012). *Research method for business, a skill building approach*. New York: John Willey and Sons.
- Selamat, M. N., Ibrahim, F., Nen, S., Sarnon, N., Subhi, N., Shaari, A. H., ... & Ab Rahman, Z. (2018). Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR)(Security of housing environment among adolescence living in low cost housing area). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4).
- Shafie, M. K., & Othman, M. K. B. H. (2017). Kefahaman Dan Pengalaman Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Shafii, H., Shareh Musa, S. M., & Abd Rahman, Z. (2009). *Pembangunan modal insan ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat*.
- Talib, A., Jusoh, H., Ibrahim, Y., & Ahmad, H. (2012). Penyertaan komuniti dalam bidang yang keusahawanan luar bandar. *Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah, Prosiding PERKEM VII, JILID, 2, 738-749*.
- Todaro, Michael P, & Smith Stephen C. (2015). *Economic Development. Twelfth ed. Harlow, U.K.:* Pearson.
- Wahab, M. A. A., Ghani, N. A., & Yusof, H. (2018). Initial Discussion on the Past Studies of Well-Being. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 74-86.
- World Health Organization, *World Report on Violence and Health 93* (2002), [www.who.int/violence\\_injury\\_prevention/violence/world\\_report/en/](http://www.who.int/violence_injury_prevention/violence/world_report/en/)
- Worley, C. (2005). It's not about race. It's about the community': New Labour and 'community cohesion. *Critical social policy*, 25(4), 483-496.
- Yusoff, N., Talib, A., & Othman, Y. (2011). Impak pembangunan infrastruktur ke atas pembangunan komuniti penduduk di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia. *Journal of Governance and Development*, 7, 16-36.
- Zaheruddin & Yusof Pon, (2005). *Pembangunan dan Masyarakat Di Malasia*. Diambil pada 30 Ogos 2015 daripada [pembangunan162.blogspot.com/.../apa-itu-pembangunan](http://pembangunan162.blogspot.com/.../apa-itu-pembangunan).
- Zamaliah Mahmud. (2009). *Handbook of research methodology: A simplified version*. Shah Alam: UPENA Universiti Teknologi Mara.